

08 SEP 2001

Singapura-Editorial

AKHBAR BH SINGAPURA ANGGAP PERSETUJUAN SELESAI ISU SEBAGAI BIJAK

SINGAPURA, 8 Sept (Bernama) -- Akhbar Berita Harian Singapura hari ini berkata adalah "bijak" mengambil kesempatan sekarang bagi menyelesaikan isu-isu berbangkit antara Singapura dan Malaysia memandangkan perkembangan politik di Malaysia boleh mengugat ketuanan Umno sebagai parti tunjang Barisan Nasional (BN).

Editorial dalam akhbar Melayu harian itu menganggap persetujuan dasar yang dicapai antara Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew dan Perdana Menteri Malaysia mengenai isu-isu itu sebagai "menyingkap satu sejarah baru dalam hubungan dua negara".

Ia juga merujuk kepada gambaran oleh Lee bahawa Singapura lebih banyak "mengalah" dalam rundingan penyelesaian semasa lawatan beliau ke Kuala Lumpur awal minggu ini dan penjelasan Lee bahawa Singapura terpaksa berbuat demikian kerana mengambil kira faktor strategi politik dan jangka panjang.

"Encik Lee dan Dr Mahathir merupakan pemimpin generasi lama yang sudah tahu isi hati masing-masing daripada segi politik dan penakatan. Menyedari keadaan politik yang boleh menjejaskan ketuanan Umno selaku parti tunjang BN yang memerintah, adalah bijak kesempatan digarap sekarang.

"Memang akhir-akhir ini Umno menghadapi cabaran daripada pembangkang PAS yang melaungkan Islam. Lee berterus-terang bahawa gerakan militan Islam amat membimbangkan Singapura," editorial itu meneruskan.

Lee pada persidangan media di hari terakhir lawatannya telah membayangkan rundingan akan bertambah rumit jika Umno yang menerajui kerajaan Barisan Nasional tidak lagi berkuasa selepas pilihan raya 2004.

Akhbar BH Singapura melahirkan rasa lega dan berharap tolak ansur daripada kesepakatan itu akan mengukuhkan kerjasama dua negara dan rancangan selanjutnya perlu diatur.

"Sebenarnya dalam kesepakatan, semua pihak akan beruntung selagi ada usaha gigih yang cekap, jujur dan telus dalam mengotakan ikrar. Potensi pembangunan dua negara amat besar kerana ikatan sejarah, persaudaraan rakyat dan perkongsian pelaburan," kata BH Singapura.

Perbincangan dua hala antara kedua-dua pemimpin itu, antara lain bersetuju bahawa, Malaysia akan terus membekalkan air kepada Singapura dan membenarkan tentera udara republik itu menggunakan ruang udara Malaysia.

Selain itu, Malaysia juga akan memindahkan stesen Keretapi Tanah Melayu (KTM) Berhad dan pusat pemeriksaan kastam dan imigresen di Tanjung Pagar di Singapura ke Kranji dan sebagai ganti Malaysia akan mendapat sekeping tanah yang sama nilainya di Shenton Way.

Singapura turut bersetuju sebuah jambatan dibina menggantikan tambak yang menghubungkan republik itu dengan Johor dan membenarkan warga Semenanjung Malaysia yang berkerja di Singapura mengeluarkan wang caruman daripada Kumpulan Wang Simpanan Pusat Singapura (CPF).

-- BERNAMA

TCL HS PR